

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2000/2001

September 2000

SEU323 – Ekonomi Kewangan

Masa: [3 jam]

Arahan:

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA (3) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Jawab Soalan 1 di Bahagian A (60 markah) dan mana-mana DUA (2) soalan di Bahagian B (40 markah). Semua jawapan hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.

BAHAGIAN A (60 Markah)

Soalan 1 (Soalan ini wajib dijawab - 60 markah)

Jawab semua soalan dari bahagian ini.

- (a) Banding dan bezakan peranan yang dimainkan oleh wang dalam ekonomi di antara model klasik dan model Keynes, dilihat daripada segi peranan wang dalam menentukan output benar, guna tenaga, tingkat harga dan kadar bunga. Jika wang tidak memainkan sebarang peranan dalam menentukan pembolehubah-pembolehubah berkenaan, nyatakan bagaimanakah pembolehubah-pembolehubah tersebut ditentukan dalam model-model berkenaan
(20 markah)
- (b) Apakah perbezaan di antara pandangan Keynes dan pandangan monetaris berhubung dengan halaju wang? Bagaimanakah pandangan yang berbeza mengenai halaju ini mempengaruhi kesimpulan-kesimpulan dasar model-model tersebut?
(12 markah)

- (c) Apakah perbezaan utama di antara teori permintaan wang Keynes dan teori permintaan wang Friedman?

(10 markah)

- (d) "Tobin menganggap teori permintaan wangnya sebagai satu kelakuan pelabur terhadap risiko". Dengan menggunakan andaian-andaian dan rajah-rajah yang sesuai, jelaskan:

- (i) bagaimana teori Tobin dianggap sebagai kelakuan terhadap risiko
- (ii) perbezaan dan persamaan utama di antara teori Tobin dan teori Keynes
- (iii) bagaimana teori Tobin menjelaskan perhubungan di antara permintaan wang dan kadar bunga

(18 markah)

BAHAGIAN B (40 markah)

Jawab mana-mana DUA (2) soalan sahaja.

Soalan 2 (20 markah)

Jelaskan apa yang akan berlaku kepada permintaan wang M_1 dan permintaan wang M_2 akibat dari perubahan-perubahan berikut:

- (a) Saluran kredit ekuiti perumahan yang membenarkan pemilik rumah menulis cek ke atas nilai aset perumahan mereka diperkenalkan. Perhatikan bahawa saluran kredit ini tidak tergolong di bawah kedua-dua definisi wang M_1 atau definisi wang M_2 .
- (b) Pasaran saham telah jatuh menjunam dan dijangka akan terus jatuh dengan teruknya.
- (c) Bank telah memperkenalkan sistem perlindungan overdraf di mana pemindahan dana akan dibuat secara automatik dari deposit simpanan ke deposit semasa untuk memenuhi tuntutan ke atas cek-cek yang ditulis.
- (d) Operasi besar-besaran telah menjejaskan perniagaan dadah dengan teruk. Andaikan perniagaan dadah sebahagian besarnya dikendalikan dengan menggunakan mata wang (currency).

(20 markah)

Soalan 3 (20 markah)

"Halaju wang pada umumnya didapati telah meningkat dari 1959 hingga ke 1980, dan peningkatan ini dikaitkan dengan perubahan-perubahan yang berlaku kepada pendapatan, kadar bunga, dan perubahan-perubahan di sektor institusi kewangan" Jelaskan pernyataan ini dengan menunjukkan bagaimanakah perkaitan yang dimaksudkan berlaku.

(20 markah)

Soalan 4 (20 markah)

Jika diandaikan bahawa:

- (a) orang ramai tidak memegang sebarang mata wang (currency)
- (b) nisbah rizab kepada deposit semasa ialah 0.2
- (c) permintaan wang diberikan oleh fungsi

$$M^d = Y(0.2 - 0.8i)$$

Di mana:

$$\begin{aligned} M^d &= \text{permintaan wang} \\ Y &= \text{pendapatan nominal} \\ i &= \text{kadar bunga} \end{aligned}$$

- (d) Jumlah asas wang (wang berkuasa tinggi) ialah RM100 bilion, dan jumlah pendapatan nominal pula RM5,000 bilion.

Tentukan:

- (i) jumlah penawaran wang
- (ii) kadar bunga pada keadaan keseimbangan pasaran wang
- (iii) nilai halaju wang
- (iv) apa yang akan berlaku kepada kadar bunga keseimbangan jika:
 - (1) pendapatan nominal meningkat
 - (2) asas wang meningkat
 - (3) nisbah rizab merosot.

[Jawapan kepada (iv) boleh diberikan sama ada secara “hujah” atau dengan memberikan contoh-contoh angka kepada pembolehubah-pembolehubah yang terlibat]

(20 markah)

Soalan 5 (20 markah)

Apakah isu utama debat di antara kumpulan monetaris dan kumpulan fiskalis? Senaraikan perbezaan penting di antara pandangan kedua kumpulan ini.

(20 markah)